

aab

Mahathir - Islam

DR MAHATHIR GESA USAHA BAGI ZAMAN PRMRAHARUAN ISLAM

T

KUALA LUMPUR, 1.7 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa ke arah memperbaharui usaha di kalangan negara-negara Tslam. mewujudkan zaman pembaharuan Islam bagi mengembalikan semula kegemilangan tamadun Tslam.

Perdana Menteri berkata misi itu tidak mustahil jika mereka bersedia mendapatkan pengetahuan yang berkaitan.

Beliau juga menegaskan mengenai perlunya mereka belajar daripada sejarah, menukar sikap dan tidak membahagikan pengetahuan kepada agama dan sekular untuk mencapai tujuan itu.

Dr Mahathir berkata: "Jika kita mahu mengembalikan semula zaman kegemilangan Tslam, kita perlu belajar daripada asas dan pengembangan Islam. . .

"Sejarah adalah guru paling utama," katanya semasa merasmikan Pameran Tamadun Islam Sedunia '94 (WICF) di Pusat Tslam di sini yang dihadiri menteri-menteri dan pegawai agama dari 23 negara lain.

Wakil-wakil dari India, Iran, Singapura, Afrika Selatan, Britain, Jerman, Jordan, Uzbekistan, Tunisia, Mesir, Brunei, Itali, Turki, Indonesia, Filipina, Thailand, Hong Kong, Sepanyol, Qatar and Maghribi menyertai pameran selama empat bulan itu dipercayai yang pertama di rantau ini. -- Laqi

▼17/06/13-26MST

U GB 17-06 00163 BA939

aab. . .

Mahathir - Tslam 2 Kuala Lumpur

Menengahkan kembali era kegemilangan Tslam. Dr Mahathir berkata walaupun kekuatan tentera dan kecanggihan memainkan peranan, sumbangan abadi masyarakat Islam ialah dalam bidang matematik, sains, perubatan, astronomi dan pengetahuan kemanusiaan.

"Ya berlaku kerana pada zaman awal Tslam, usaha menimba ilmu tidak terhad kepada tafsiran sempit agama.

"Dalam erti kata lain umat Tslam ketika itu patuh kepada contoh kepimpinan rasullullah dalam mencari kekayaan dan menimba pengetahuan sementara tidak menyetepikan ibadah yang wajib," katanya.

Perdana Menteri berkata keadaan sekarang agak malang dengan kepentingan pengetahuan diperkecilkan kerana dianggap sebagai tidak Islam dan ahli sejarah Tslam menumpukan semata-mata kepada sumbangan rnhaniah.

Untuk membina semula era kegemilangan itu, katanya, adalah perlu bagi umat Islam memaparkan kepala suan sesetengah kepercayaan kini yang telah menyumbangkan kepada kemerosotan ini.

"Yang utama diantaranya ialah ajaran bahawa dunia ini bukan bagi penganut agama tetapi bagi mereka yang tidak mempercayai agama untuk menikmatinya," katanya. -- Laqi

▼17/06/13-52MST

## Mahathir - Islam 3 Kuala Lumpur

Dr Mahathir mengakui adalah benar bahawa sesetengah perkara yang dinikmati oleh bukan penganut agama tidak harus diidamkan oleh umat Islam, tetapi beliau mempersoalkan adakah juga benar bahawa umat Islam tidak harus menikmati pemberian yang begitu luas yang diturunkan Allah ke muka bumi ini.

"Dunia ini bukan hanya pemberian Allah kepada mereka yang tidak mempercayai Islam tetapi Ia juga anugerah Allah kepada mereka yang benar-benar beriman," katanya.

Dr Mahathir berkata: "Sehinggalah kita berhenti daripada memisahkan ilmu kepada agama dan sekular, sehinggalah kita menganggap semua pengetahuan sebagai mengukuhkan iman, kita tidak akan dapat membina semula tamadun Islam.

"Lebih dahsyat lagi kita akan kekal dalam kemodernan yang boleh disamakan dengan zaman kelam,

"Oleh itu langkah pertama ke arah zaman pembaharuan Islam ialah mengetepikan kepercayaan bahawa dunia ini bukan untuk kita, -- <sup>hanya</sup> pengetahuan selain daripada ilmu rohaniah adalah sekular dan harus diharamkan" kata Perdana Menteri. -- Lagi

17/06/14 15:00

U GB 17-06 00172 BA941

a a b

## Mahathir - Islam 4 Kuala Lumpur

Dalam membina tamadun modern Islam, Dr Mahathir berkata ia harus dalam konteks pencapaian kemanusiaan ketika ini dan harus mencerminkan kehidupan serta pemilikan sezaman yang berkaitan dengan zaman modern tetapi masih secocok dengan ajaran Islam.

"Jika kita percaya bahawa Islam ialah untuk semua, kita akan bercanggah dengan kepercayaan ini jika kita mengatakannya tamadun Islam hanya mungkin pada kurun ke-7 dalam era Kristian di Madinah," katanya.

Dr Mahathir juga menarik perhatian bahawa tamadun yang akan dibina tidak harus hanya bertujuan untuk menentang masyarakat atau tamadun lain.

"Ia harus menyumbangkan ke arah keseluruhan kemajuan manusia. Ia harus menunjukkan kesesuaian dan keseimbangan antara rohaniah dan kebendaan, antara kemajuan dan nilai moral, antara agama dan masalah dunia.

"Ia harus menyediakan al tenatif kepada dunia yang jelas sekali kehilangan arah panduan. Ia harus merupakan al tenatif yang berdaya maju dan diterima berdasarkan alasan yang diterima berbanding kepercayaan yang membuta tuli dalam Lafsiran tertentu yang menimbulkan perbalahan mengenai Islam," katanya. -- Lagi

17/06/14-32MST

U GB 17-06 00109 BA942

aab

## Mahathir - Islam 5 (Akhir) Kuala Lumpur

Sema's'a bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata adalah amat menyedihkan bahawa kerajaan-kerajaan Islam lemah dan keadaan hucu-hara atau kerajaan yang teruk wujud di kebanyakan negara Islam.

Adalah juga menyedihkan melihat negara-negara Islam harus mendapatkan bantuan dari pada kerajaan-kerajaan bukan Islam semasa kesusahan, katanya.

Dr Mahathir berkata tindakan membentuk sebuah pertubuhan baru negara-negara Islam untuk menggantikan Pertubuhan Persidangan Islam kini bukannya jawapan kepada usaha mewujudkan masyarakat Islam yang lebih kuat.

Sahalnya sel: iap negara termasuk negara-negara kecil harus diperkukuhkan diri dengan menimba ilmu pengetahuan yang diperlukan,

katanya. -- Bernama

AZG RON

17/06/14 10:00